



PEMBIAYAAN SISWA 2021

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD (KPPKNK) amat prihatin terhadap masalah kewangan anggota-anggotanya . Sehubungan dengan itu KPPKNK telah bersetuju untuk menyediakan Pembiayaan Siswa bagi setiap sesi pengambilan pelajar ke IPTA kepada anak-anak anggotanya. Nilai pembiayaan adalah RM1,000 seorang. Bilangan permohonan adalah terhad kepada 25 orang sahaja bagi setiap sesi pengambilan. Pembiayaan Al Qardhul Hasan ini hendaklah dibayar balik mulai bulan berikutnya selama 10 bulan selepas pengeluaran pembiayaan.

Permohonan adalah dipelawa daripada anggota-anggota KPPKNK yang berkelayakan untuk memohon pembiayaan siswa bagi pihak anak-anak mereka bagi sesi Jun 2021.

SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

- Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Diploma daripada mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan dengan kelulusan cemerlang.
- Diterima masuk tahun pertama bagi pengajian Ijazah Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan.
- Keutamaan diberi kepada anggota-anggota berpendapatan rendah dan ramai tanggungan.

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh didapati di pejabat KPPKNK semasa waktu pejabat mulai **1 Ogos 2021**.

Semua permohonan yang lengkap bersertakan salinan kad pengenalan, penyata gaji terbaru, slip keputusan peperiksaan dan surat tawaran masuk IPTA yang disahkan hendaklah sampai ke alamat berikut pada atau sebelum: **14 Oktober 2021**.

Tuan Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad
No.2 & 4, Taman Koperasi Kedah,
Jalan Tun Razak, 05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Catitan: Pemilihan dan jumlah sumbangan adalah tertakluk kepada budibicara dan keputusan Lembaga adalah muktamad.